



MENGENAI P1F



Cadangan Perumahan Satu Felda adalah hasil cetusan idea YB. Dato' Abu Bakar Bin Haji Harun, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri Pahang yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan warga FELDA. Kesungguhan dan kegigihan beliau telah menjayakan pelangsungan projek P1F di Wilayah Felda, Negeri Pahang dengan hasrat untuk membawa warga-warga FELDA ke era kehidupan lestari.

Perumahan Satu Felda, merupakan projek usahasama antara tiga entiti, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Felda Properties Sdn. Bhd. dan MTG Timur Sdn. Bhd. Usahasama ini menonjolkan kesungguhan dan komitmen pihak FELDA terhadap para peneroka dan warga-warganya, dengan sasaran merealisasikan impian mampu milik di kalangan komuniti FELDA.

Kolaborasi ini beroptimis membawa komuniti FELDA ke arah kesejahteraan hidup yang berhematkan gaya hidup yang sihat dan berkualiti di samping mewarisi semangat komuniti FELDA. Pelancaran P1F bukan sahaja berseiringan dengan misi FELDA tetapi turut memperkuuhkan teras FELDA ke arah komuniti contoh luar bandar.

P1F yang diperkenalkan, berteraskan konsep pembangunan 4 'K' – Kehijauan, Kemampanan, Kesejahteraan, Keilmuan dan prinsip-prinsip reka bentuk bandar dapat membentuk kejiranan yang lebih komprehensif dan kondusif tanpa mengambil kira taraf sosial, bangsa dan kepercayaan di kalangan peneroka dan warga Felda serta generasi-generasi barunya. Kami dengan hati yang tulus, mempercayai bahawa usahasama ini dapat memenuhi permintaan semasa perumahan mampu milik di samping menyediakan suasana kejiranan yang berkualiti, harmoni dan selesa.

SIMBOLIK P1F

SARANG LEBAH BERHEKSAGON



Bentuk Heksagon yang ditonjolkan sebagai simbolik P1F adalah ilham daripada sarang lebah dimana komuniti-komuniti FELDA diumpamakan seperti koloni lebah yang berkelompok dan sering dikaitkan dengan sifat kerjasamanya.

Setiap sel heksagon dalam sarang lebah merupakan hasil usaha dan kerajinan lebah dalam membina dan mempertahankan koloni lebah. Struktur sarang lebah yang berlapis-lapis bagaikan struktur warga-warga FELDA yang terbentuk daripada keluarga kemudian berkembang kepada kejiraninan, Rancangan FELDA dan akhirnya Wilayah FELDA. Pengenalan P1F menyuntik konsep pembangunan dalam aspek perancangan fizikal untuk menuju ke arah komuniti contoh luar bandar yang sejahtera dan mampu.

Justeru, Pembangunan P1F menterjemahkan kesungguhan dan hasrat FELDA untuk melahirkan warga FELDA yang besatu padu dengan berinspirasikan sifat Lebah.

PERUMAHAN FELDA

MEREALISASIKAN MAMPU MILIK



GARISAN PUTIH yang merentasi bentuk heksagon umpama Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merentasi Negeri Pahang dan NOD-NOD PUTIH bagaikan tol-tol di sepanjang LPT yang merupakan susur keluar utama untuk akses ke projek-projek P1F.


Ikatan NOD MERAH dan NOD JINGGA melambangkan tanda kolaborasi antara FELDA, Felda Properties Sdn Bhd dan MTG Timur Sdn Bhd. dalam usaha memajukan projek-projek P1F.

GARISAN PUTIH yang meningkat seumpama graf taraf kehidupan yang menunjukkan pertumbuhan yang positif dan komprehensif dari pelbagai aspek dengan pelaksanaan projek-projek P1F.

NOMBOR 1 menandakan hasrat FELDA dalam memperkuuhkan semangat komuniti yang menyumbang kepada pembentukan warga FELDA yang sehati dan sejiwa.

BENTUK HEKSAGON adalah simbolik P1F dimana ia seumpama struktur pemajuan P1F yang terdiri daripada komponen-komponen Wilayah, Rancangan, Kejiraninan dan Keluarga yang memainkan peranan penting dalam menyediakan suasana tempat tinggal yang berkualiti, selesa dan harmoni untuk warga-warga FELDA.

Pembentukan kejiranian yang erat perhubungannya melalui pengukuhan semangat kejiranian dan kekitaan demi ke arah komuniti contoh luar bandar sebagai misi utama pelancaran P1F. Galakan aktiviti sosial dan interaksi melalui peruntukan ruang-ruang positif dengan tahap kesampaian yang tinggi diutamakan dalam pembangunan P1F sebagai usaha ke arah komuniti sihat.




Inisiatif yang digiatkan oleh pembangunan P1F dalam isu keseimbangan ekosistem bumi yang kian musnah akibat kerakusan manusia yang menerokainya. Amalan konsep kehijauan melalui rekabentuk kejiranian P1F termasuk penghematan kepada kepadatan sederhana, pengutamaan kepada pejalan kaki, reka bentuk komponen berdasarkan skala manusia, komponen hijau bersepada dan sebagainya untuk jaminan kesinambungan komuniti FELDA.


Kejiranian P1F dengan pengamalan pembangunan lestari dan penyandaran kepada sistem pengangkutan yang efisien, penyerahan identiti dan karakter komuniti FELDA, pengelakan dan pemeliharaan elemen semulajadi serta galakan kepada pembangunan 'terrain' tanpa menjelaskan keupayaan memenuhi keperluan untuk generasi akan datang.

Penekanan terhadap pembangunan modal insan yang bersepada melalui aspek perancangan spatial ke arah kesejahteraan hidup. Pembangunan P1F menerap masuk teori mendidik orang ramai dengan reka bentuk bandar di samping memberi peruntukan dalam kemudahan pendidikan yang dimana ia secara langsung menyumbang kepada pencapaian tahap modal insan yang tinggi


ILLUSTRASI PEMBANGUNAN PIF



GAMBARAJAH SKEMATIK



- 1 FELDA LURAH BILUT
 - 2 FELDA MEMPAGA
 - 3 FELDAJAYA TIMUR MEMPAGA
 - 4 FELDA JENGKA 19
 - 5 FELDA BUKIT GOH
 - 6 FELDA LEPAR HILIR
 - 7 FELDA PANCHING SELATAN
 - 8 FELDA PANCHING TIMUR
 - 9 FELDA CHINI TIMUR 2
 - 10 FELDA KERATONG





“ SEHATI DAN SEJIWĀ DALAM
MEREALISASIKAN SUASANA
YANG ‘BERDAYA HUNI’, ‘BERDAYA
TAHAN’, ‘BERIDENTITI’ &
‘BERSEMANGAT SETEMPAT’ ”



www.perumahan1felda.my

